

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 3 December, 2019 4:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Taklimat Persediaan Pelajar Praktikum Pastikan Persiapan Mantap Menuju Alam Kerjaya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 DISEMBER 2019 / 6 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Dr. Mohd Adib Abd Muin

Gambar oleh: PPA COB

TAKLIMAT PERSEDIAAN PELAJAR PRAKTIKUM PASTIKAN PERSIAPAN MANTAP MENUJU ALAM KERJAYA



UUM ONLINE: Seramai 1,729 pelajar tahun akhir College of Business (COB) telah menghadiri Taklimat Persediaan Pelajar Praktikum Sesi A192 anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA COB) di Dewan Kuliah Gugusan (DKG) 3/1, baru-baru ini.

Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar berkata, taklimat itu bertujuan untuk memastikan persiapan yang mantap kepada pelajar yang bakal menjalani latihan praktikum pada Februari depan.

“Saya juga mahu pelajar yang akan menjalani praktikum ini menjadi duta kecil UUM di luar sana dengan menunjukkan tingkah laku yang baik, berketerampilan dan sentiasa ringan tulang untuk membantu melicinkan urusan di organisasi,” katanya yang turut menjawab beberapa persoalan yang diajukan pelajar berkaitan dengan kelulusan dan prosedur pertukaran tempat praktikum.

Sesi taklimat telah disampaikan oleh Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Mohd Adib Abd Muin yang menerangkan tentang objektif praktikum, kelayakan praktikum, tempoh dan syarat-syarat praktikum, isu-isu semasa dan cabaran ketika menjalani latihan praktikum, persediaan kewangan dan tingkah laku sewaktu menjalani latihan praktikum.

Taklimat Persediaan Praktikum Sesi A192 itu dihadiri pelajar dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA).

Hadir sama, Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek Abdul Malek; Pengarah CDC, Dr. Awan Ismail; Penyelaras Praktikum PPA COB, Dr. Ruhaida Saidon; Pensyarah TISSA, Prof. Madya Dr. Akilah Abdullah; Pensyarah STML, Dr. Rushanim Hashim; Pensyarah SEFB iaitu Dr. Azizah Md Yusof, Mohd Zaidi Johar dan Jufaizal Azaizul Che Alias.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.